

Qalam

Bilangan 37 – Ogos 1953 – Zulkaedah 1374 – 60 Sen

Syarikat Perniagaan Melayu

XXXXX dengan syarikat-syarikat perniagaan Melayu di dalam XXXX ini ialah syarikat-syarikat perniagaan yang berdaftar atau Limited Company. Sesudah perang ini telah banyak dicuba oleh orang-orang kita mengadakan syarikat-syarikat perniagaan dengan mendapat sokongan yang penuh daripada orang ramai kita dengan kadar daya upayanya membeli syer-syer (saham) untuk menyampaikan dan memajukan cita-cita itu.

Dengan bantuan dan sokongan yang bergembira daripada orang ramai itu di sana-sini timbullah syarikat Melayu yang mengambil bahagian di dalam berbagai-bagai perniagaan – keadaan di dalam tingkat permulaan itu adalah umpama cendawan tumbuh. Kita bergembira melihat kemahuan-kemahuan yang sebegitu galaknya di dalam perniagaan tetapi kemudiannya setelah berjalan tidak berapa lamanya maka perusahaan-perusahaan bersama itu akhir-akhirnya layu dan setengah-setengahnya tidak terdengar khabar beritanya lagi dan ada pula tidak diketahui di mana kuburnya.

Kejadian-kejadian itu tentulah terbitnya tidak lain kerana orang yang menjalankan atau yang mentadbir syarikat yang berdaftar itu tidak mempunyai kecekapan, tidak mempunyai kelayakan dan bukan ahlinya di dalam sesuatu yang dijalankan itu. Mereka tidak mengetahui cara-cara perniagaan yang dipegangnya dan tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan di dalam perniagaan-perniagaan itu selain daripada pengetahuan-pengetahuan yang dibaca daripada buku-buku atau pengetahuan-pengetahuan yang tidak mencukupi untuk dijadikan

pengalaman bagi menjalankan perniagaan yang diamanahkan kepadanya oleh orang-orang yang memegang saham-saham itu.

Bolehlah kita misalkan umpamanya jika seorang yang hanya mempunyai pengetahuan di dalam ilmu kira-kira (*accountant*) – yang berpengalaman hanya di dalam ilmu itu sahaja tentulah ia tidak akan dapat menjalankan sebuah bank yang keadaannya sangat payah jika tidak ada pengalaman yang bertahun-tahun di dalam usaha itu. Akhirnya sudah tentu bank itu akan tutup.

Tutup bank itu bermaknanya rugi. Demikian juga seorang yang mahir di dalam perkara-perkara elektrik dan biasa bekerja dengan pekerjaan-pekerjaan elektrik dan sudah biasa bekerja di dalam perniagaan dan pekerjaan elektrik tentulah ia tidak akan dapat mengelola dan menjalankan perusahaan menerbitkan akhbar, demikian juga sebaliknya orang-orang yang bekerja di dalam akhbar yang tahu tulis menulis tidak akan dapat menjalankan perusahaan penerbitan atau pencetak sekiranya orang itu tidak berpengalaman di dalam hal-hal yang mengenai percetakan dan perniagaan dan cara-cara percetakan yang boleh menarik dan menggemarkan orang-orang yang akan berhubung dengannya.

Begitu juga tukang elektrik tadi ia mesti mahir di dalam perkiraan dan mesti banyak pengetahuannya tentang harga-harga dan sebagainya – kalau tidak tentulah ia akan rugi tatkala memberikan harga (tender) di dalam sesuatu pekerjaan yang diminta orang kepadanya dan akibatnya tentulah perusahaan itu akan terbenam dengan begitu sahaja – kalau hidup pun menyerupai kata pepatah “Hidup segan, mati tak mahu”.

Rasulullah shallā Allāh ‘alaihi wa sallam telah bersabda yang maksudnya: “Sesuatu pekerjaan jika dijalankan atau dipegang oleh orang yang bukan ahlinya maka jagalah kebinasaannya”. Benar sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah itu yang menunjukkan bahawa tiap-tiap pekerjaan yang dipegang oleh orang-orang yang bukan ahlinya maka binasa kesudahannya. Kita telah melihat

kebinasaan-kebinasaan itu terutamanya di dalam syarikat-syarikat perniagaan – banyak yang terlukup dan banyak yang binasa.

Kesannya kejadian-kejadian itu ialah orang-orang kita akhirnya tidak lagi mahu percaya dan tidak lagi mahu bersatu menyokong perusahaan-perusahaan terutamanya perusahaan yang menjual saham kepada orang ramai. Kita tidak dapat menyalahkan mereka itu oleh kerana kesalahan itu telah dicontohkan kepada beberapa perusahaan-perusahaan yang tidak dapat berjaya bahkan ada yang hilang begitu sahaja dengan tak tentu rimbanya.

Oleh kejadian-kejadian ini maka kita berharap orang-orang yang mendirikan syarikat-syarikat baharu hendaklah memilih pengarah-pengarahnya yang sebenar-benarnya mengerti dalam perusahaan atau perniagaan yang akan dijalankannya dan bagi orang ramai tatkala hendak membeli saham-saham itu janganlah terpengaruh kepada nama penaja-penajanya tetapi hendaklah perhati dengan saksama dan adakah yang mengelolakan itu mahir dan ahli di dalam perusahaan yang ditajanya supaya wangnya tidak jadi sisa dan cukup berkeyakinan bahawa perusahaan itu akan berjaya kerana penajanya memang ahli di dalam perusahaan-perusahaan itu.

* * *

Kerja Separuh-separuh

Seperkara yang tak patut rasanya kita mendiamkan diri ialah kenyataan Tengku Abdul Rahman, Yang di-Pertua UMNO yang dikatakan telah berkata: “. suatu daripada tujuan-tujuan itu (tujuan undang-undang tubuh UMNO – P.) ialah meninggikan darjat agama Islam dalam negeri ini. Agama Islam tidak dapat dipertinggikan sebagaimana mestinya selagi negeri ini tidak merdeka.”

Kita telah mendengar beberapa kali perkataan-perkataan yang seperti ini tetapi kita melihat di dalam amalan-amalan yang dijalankan oleh pertubuhan yang diketuai oleh Tengku Abdul Rahman

itu sendiri bukannya “meninggikan darjat agama Islam dalam negeri ini” tetapi sebaliknya dan banyak menjalankan perkara-perkara yang melemahkan dan merendahkan.

Kejadian ini apa lagi sekiranya berlaku atau sekiranya dapat kemerdekaan yang dituntut bersama-sama dengan M.C.A. sebagaimana yang ditaja sekarang sudah tentulah yang demikian itu tidak diharap dan jauh panggang dari api.

Kalau dalam masa yang ada sekarang orang-orang di dalam lingkungan Tengku itu sendiri tidak dapat mempertinggikan darjat Islam di dalam lingkungannya maka apalagi pada masa hadapan akan tidak dapat diharap lagi. Kita katakan begini kerana kita mengetahui bahawa peraturan-peraturan tajaan dalam Islam menghendaki tiap-tiap sendinya (tiap-tiap orangnya) lebih dahulu membetulkan diri masing-masing baharulah dapat mengusahakan perkara yang di luar daripada tubuh masing-masing itu.

Oleh yang demikian perkataan itu seolah-olah kita dengar sebagai suatu perkataan yang hanya memberi harapan tetapi tidak dapat diamalkan oleh kerana kita sendiri sudah mendatangkan kerosakan kepada perkara yang dicita-cita hendak ditinggikan itu. Kalau perkara yang sedemikian ini kerap kali diperkatakan maka seolah-olahnya agama Islam itu jika terbit sesuatu perkataan yang payah baru dipakai dan apabila lepas kepayahan itu maka beramai-ramai dilanggar dengan perbuatan – yang demikian ini menjadikan orang-orang Islam selalu bertanya dan sentiasa akan bertanya apakah agama mereka? Pertanyaan yang seperti ini tidak dapat disalahkan oleh sebab nampaknya agama Islam itu dipegang sekerat-sekerat sahaja oleh orang-orang yang berkeadaan sedemikian.

Mudah-mudahan yang demikian ini akan menjadi perhatian orang-orang kita yang kasihkan agama supaya mereka mendirikan hak-hak agama dan mempertahankannya daripada dilanggar bersama-sama di dalam suatu pertubuhan yang diharap akan membawa kebajikan kepadanya. Kita berharap mereka itu akan membersihkan

cara-cara yang melanggar agama di dalam pertubuhan itu. Kita berdoa Allah akan memberi hidayat kepada orang-orang kita supaya menegak dan mendirikan agama kita dengan sepenuh-penuh maknanya.

* * *

Mengalukan Warta

Tiada dapat dinafikan bahawa banyak lagi ikhtiar-ikhtiar sayogia diadakan pada memperlakkan bahagian persuratan dan pewartawanan Melayu. Umat Melayu dalam Semenanjung Melayu kita yang dikasih ini sangat-sangat berhajatkan kepada suratkhbar Melayu pada menggalakkan kemajuan orang-orang Melayu dalam perkara-perkara iktisad, kebajikan, pergaulan dan kebudayaan istimewa pada menyemai perasaan yang mendatangkan kebajikan raya kepada umat dan negeri serta menjauhkan diri daripada faham yang merosakkan maka dengan tujuan inilah rakan kita Warta akan terbit dengan sifat suratkhbar mingguan Melayu sebagai permulaan pada tiap-tiap pagi Selasa mulai dari 4 Ogos ini dengan menugaskan kepada dirinya tujuan-tujuan yang tinggi itu dengan serba baharu dan boleh benar diharap yang Warta akan mengambil tempat sebagai pelopor dan pembuka jalan di dalam langkah-langkah dan cara-cara pembawaan yang akan dijalaninya.

Warta akan menyertai ikhtiar-ikhtiar membaiki, memelihara dan mengembangkan bahasa dan persuratan Melayu tetapi Warta akan mengambil perdirian yang bebas dan merdeka daripada dasar sebarang dan segala badan siyasa.

Warta akan mengandungi pada tiap-tiap kali keluarannya segala warta berita dalam negeri dan luar negeri dalam seminggu yang dahulunya itu dengan rupa yang padat, kemas dan ringkas serta menarik hati. Ia akan mengandungi rencana-rencana yang berisi, bernas dan memberi asyik kepada pembaca-pembacanya dalam bab iktisad, kebudayaan sejarah, kebajikan raya dari qalam penulis-penulis yang ternama. Selain daripada itu

Warta akan memuat juga cerita-cerita kecil, penggali hati, kisah-kisah yang ganjil luar daripada kebiasaan adat dan aqal. Gambar-gambar kartun yang mengandungi sindiran dan pengajaran serta gambar-gambar pemandangan yang cantik akan diterakan juga.

Pencetak dan penerbit Warta ialah Matba'ah ini yang telah jadi sebuah syarikat *limited* dengan nama Qalam First Limited dari bulan ini. Penaja dan pengarah-pengarahnya ialah Yang Mulia al-Sayyid 'Abdullāh bin Hamid al-Edrus ketua pengarangnya dan Yang Mulia al-Sayyid Husin bin 'Ali al-Saggof penguasanya. Julung-julung bilangannya akan mengesahkan mutu dan dasar rakan kita maka tambahlah ilmu pengetahuan tuan dengan membaca Warta pada tiap-tiap minggu dan di antara tuan-tuan ada yang akan menerima seribu ringgit hadiah yang mesti dimenangi.

Pengarang-pengarang, penulis-penulis dan ahli-ahli persuratan dan ilmu yang telah berkhidmat menjadikan majalah Qalam sebagaimana keadaannya yang ada sekarang semuanya akan mengambil bahagian juga menulis di dalam Warta. Juga wartawan-wartawan yang terkenal di dalam suratkhbar harian Warta Malaya yang berjasa dahulu bersama-sama memberi khidmat-khidmat mereka untuk menjadikan Warta ini sebuah akhbar mingguan yang berfaedah dan mustahak adanya di sisi persuratan kita.

Bagi keluarannya yang pertama banyak makalah-makalah yang membina akan disiarkan di antaranya makalah-makalah panduan hidup bagi penanam-penanam padi, mengembalikan orang-orang tahanan kepada masyarakat, pertanyaan-pertanyaan berkenaan dengan undang-undang, sejarah perkembangan Islam, hal-ehwal kegentingan siyasa di Indonesia, lawatan ke Indonesia – wal hasil banyak perkara-perkara yang mustahak menjadi tatapan dan bacaan yang berfaedah kepada umat dan bangsa.

Sesungguhnya Allah Ta'ālā itu Pemurah, ia suka kepada kemurahan, dan Ia suka kepada perangai-perangai yang tinggi, ia benci kepada perangai-perangai yang rendah (maksud hadis riwayat Abū Dāwūd)